



**JABATAN PELAJARAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

MEMO DALAMAN

KEPADA : Semua Ketua Sektor
Semua Ketua Unit

DARIPADA : Pengarah

SALINAN KEPADA : Timbalan Pengarah

RUJUKAN FAIL : JPNS.SPMICT.MICT.100-1/3/3 JLD 3(78)

PERKARA : **PENGGUNAAN APLIKASI e-GERAK UNTUK
MEREKOD PERGERAKAN PEGAWAI DI JPNS**

TARIKH : 30 Disember 2011

Tuan / Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPNS Bil 3/2011 yang berlangsung pada 12–14 Disember 2011 telah memutuskan untuk menggunakan Portal Pengurusan Pergerakan Pegawai (e-Gerak) untuk merekod aktiviti rasmi pegawai di luar pejabat.

3. Pelaksanaannya berkuatkuasa serta merta terhadap semua pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

4. Sehubungan dengan itu mohon kerjasama tuan/puan memastikan semua pegawai dan kakitangan di bawah kawalan tuan/puan mematuhi arahan ini. Proses merekod boleh dilakukan oleh individu masing-masing dengan mengakses ke aplikasi e-Gerak di alamat :

<http://www.jpnnns.gov.my/gerak/>

5. Kerjasama dan keperihatinan tuan/puan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pentadbir Sistem, En Mohd Fadzli b Jaafar di talian 06-7653213.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL HALIM BIN ABDUL RAZAK)

Tel : 06-7653
Faks : 06-7630768
E-Mel : @moe.gov.my